



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 31 JULAI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **27 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah sebanyak **8,644** kes (96.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 31 Julai 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **12 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,976 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 207 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 12 kes baharu yang dilaporkan, lima (5) kes adalah kes import yang telah mendapat **jangkitan di luar negara** yang melibatkan dua (2) warganegara Malaysia dan tiga (3) bukan

warganegara yang dibenarkan masuk ke Malaysia. Lima (5) kes import tersebut adalah dari negara:

- Indonesia (3 kes: 1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 1 kes di Johor dan 1 kes di Sarawak);
- Qatar (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur); dan
- United Kingdom (1 kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur).

Daripada tujuh (7) kes **penularan di dalam negara**, lima (5) kes adalah di kalangan warganegara Malaysia dan dua (2) kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara di kalangan **warganegara Malaysia** (5 kes) adalah :

- Johor: satu (1) kes saringan pra pembedahan di Hospital Sultan Ismail;
- Kedah: dua (2) kes daripada Kluster PUI Sivagangga;
- Selangor: satu (1) kes saringan pra pembedahan di sebuah pusat perubatan;
- Negeri Sembilan: satu (1) kes saringan di lokap sebelum dipindahkan ke penjara.

Bagi kes jangkitan dalam negara (2 kes) di kalangan **bukan warganegara** pula adalah seperti berikut:

- Johor: satu (1) kes saringan pra pembedahan;
- Sabah: satu (1) kes kematian dikesan positif COVID-19 di Hospital Queen Elizabeth. Kes ini akan diperincikan di bawah.

Sehingga kini, terdapat tiga (3) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Satu (1) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **125 kes** (1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-125 (kes ke-8974) merupakan lelaki bukan warganegara Malaysia (warganegara Filipina) berumur 64 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit jantung. Beliau mempunyai gejala demam, batuk dan sesak nafas pada 25 Julai 2020 namun tidak mendapatkan rawatan. Pada 29 Julai 2020, beliau ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri dan kemudiannya dibawa ke Hospital Queen Elizabeth, Sabah di mana beliau telah disahkan meninggal dunia. Ujian saringan menunjukkan beliau adalah positif COVID-19.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

STATUS TERKINI KLUSTER PUI SIVAGANGGA

Sehingga 31 Julai 2020 jam 12 tengah hari, sebanyak 262 orang telah disaring. Daripada jumlah ini:

- Lapan (8) kes dikesan positif COVID-19;
- 251 negatif; dan
- Tiga (3) masih menunggu keputusan.

Daripada lapan (8) kes positif, lima (5) orang adalah bukan warganegara Malaysia. Aktiviti pengesanan kontak rapat secara aktif (*Active Case Detection*) adalah masih diteruskan.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA MENGIKUT PROSEDUR STANDARD OPERASI (SOP)

KKM ingin menzahirkan ucapan selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua umat Islam di Malaysia, terutamanya kepada anggota barisan hadapan yang terus berdedikasi bertugas dan berkhidmat untuk Negara pada hari lebaran ini. Ini juga merupakan satu jenis pengorbanan yang besar dan mulia.

Umat Islam di Malaysia yang melaksanakan aktiviti ibadah korban adalah dinasihatkan untuk terus mematuhi Prosedur Standard Operasi (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Sambutan Hari Raya Aidiladha yang lazim dijalankan seperti aktiviti balik kampung dan berjumpa ahli keluarga, menunaikan solat sunat hari raya dan menziarahi kubur sewajarnya dilakukan dengan normal baharu.

Pemakaian alat pelitup muka (*facemask*) adalah amat digalakkan di tempat yang sesak dan sempit, terutamanya sekiranya penjarakan fizikal (*physical distancing*) sukar diamalkan. Amalkan kebersihan sendiri, terutamanya kebersihan tangan dengan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun. Ini terutamanya apabila mengendalikan makanan semasa penyediaan juadah Hari Raya.

Pihak KKM juga ingin mengambil kesempatan pada hari yang mulia ini untuk melahirkan penghargaan kepada semua petugas barisan

hadapan termasuk petugas kesihatan KKM dan sukarelawan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Pertahanan Malaysia (JPAM), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan pelbagai agensi lain yang komited memberikan perkhidmatan mereka semasa musim perayaan ini.

Para anggota barisan hadapan kini mengharapkan masyarakat dapat memainkan peranan masing-masing dalam memerangi wabak COVID-19. Dalam doa, tafakur, ingatan dan rintihan hati mereka, petugas barisan hadapan sangat berharap agar seluruh masyarakat Malaysia memainkan tanggungjawab sosial dan kawalan sendiri, bagi memastikan SOP dapat dipatuhi dalam tempoh perayaan ini. Semoga dengan normal dan kebiasaan baharu ini, kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 di Malaysia semasa mahupun selepas musim perayaan.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihatkan masyarakat agar terus waspada dan terus amalkan nasihat-nasihat ini sebagai satu kebiasaan baharu bukan sahaja semasa musim perayaan, namun dalam kehidupan harian misalnya:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat (*Close conversation*)**.

- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (**Wash**), sangat digalakkan memakai alat pelitup separuh muka (penutup hidung dan mulut - *facemask*) di tempat awam atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

31 Julai 2020 @ 5.00 petang.

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 31 JULAI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	19
KEDAH	2	109
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	262
SELANGOR	1	2,123
NEGERI SEMBILAN	1	1,029
MELAKA	0	258
JOHOR	3 (1)	742
PAHANG	0	370
TERENGGANU	0	114
KELANTAN	0	160
SABAH	1	398
SARAWAK	1 (1)	678
W.P. KUALA LUMPUR	3 (3)	2,476
W.P. PUTRAJAYA	0	98
W.P. LABUAN	0	19
JUMLAH KESELURUHAN	12 (5)	8,976

*() adalah merujuk kepada kes-kes import